

BAHAGIAN B
[30 MARKAH]
JAWAB SEMUA SOALAN

SOALAN 1

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Fiqh dari segi istilah

(1 Markah)

2. Sumber rujukan utama dalam Syariat Islam adalah al-Qur'an dan as-Sunnah. Berikan pengertian al-Qur'an dan Hadith dari segi bahasa dan istilah.

(4 Markah)

3. Shuib merupakan sahabat anda yang beragama Islam bertanyakan kepada anda, apakah hukum jika beliau ingin membuat perbandingan agama dengan merujuk kitab-kitab agama Islam dan kitab-kitab agama lain? Nyatakan pandangan anda dan berikan syarat-syarat yang digariskan oleh Nabi Muhammad SAW dalam membuat perbandingan agama.

(3 Markah)

4. Moganesha merupakan seorang Mualaf. Dia bertanya kepada anda berkenaan hukum mengamalkan adat-adat serta budaya sebelum menganut Agama Islam. Nyatakan pandangan anda.

(2 Markah)

SOALAN 2

1. Apakah kaedah asas bagi seseorang untuk menganut agama Islam?

(2 Markah)

2. Bagaimanakah cara seseorang yang tidak tahu mengucapkan Dua Kalimah Syahadah dalam Bahasa Arab?

(3 Markah)

3. Apakah contoh-contoh tohmahan atau syak wasangka yang dilemparkan kepada orang bukan Islam yang baru sahaja ingin memeluk agama Islam?

(4 Markah)

4. Nyatakan nama sahabat yang telah mengisytiharkan pengislamannya.

(1 Markah)

SOALAN 3

1. Apakah pengertian solat dari segi bahasa dan istilah?

(2 Markah)

2. Cheng Soo Lim telah mengucap Dua Kalimah Syahadah namun masih tidak pandai untuk mengerjakan cara solat yang betul mengikut cara Rasulullah SAW. Bagaimanakah cara yang terbaik untuk Cheng Soo Lim menunaikan solat? Berikan kaedah solat yang sesuai untuk beliau laksanakan.

(4 Markah)

3. Lalita baru sahaja memeluk Islam ketika usianya 30 tahun. Adakah dia wajib mengqada' solat yang ditinggalkan sebelum menganut agama Islam?

(2 Markah)

4. Adakah sah solat jika al-Qur'an dibaca dalam bahasa selain Bahasa Arab?

(2 Markah)

SOALAN TAMAT